SYARAT DAN PERATURAN PERMOHONAN PERMIT PENJAJA BAZAR RAMADAN DAERAH BANDAR BAHARU TAHUN 1448H/2027M

(a) SYARAT – SYARAT TETAP:

1. Pemohon dan pembantu mestilah **Warganegara Malaysia** sahaja.
   (Warga asing atau bukan warga negara adalah tidak dibenarkan)

2. Berumur **18 tahun dan ke atas**.

3. Pemohon hendaklah **bebas daripada sebarang liabiliti** dengan pihak Majlis
   (Tidak mempunyai tunggakan cukai, sewa, lesen dan kompaun)

4. Pemohon dan pembantu hendaklah **mempunyai suntikan tifoid** yang masih sah sehingga akhir Ramadan iaitu pada 30 Mac 2027.

5. Pemohon dan pembantu hendaklah **mempunyai sijil kursus pengendalian makanan**.

6. Permohonan yang **LENGKAP** sahaja akan diproses. **KEGAGALAN** mematuhi semua syarat-syarat ini akan menyebabkan permohonan **DITOLAK**.

(b) DOKUMEN SOKONGAN YANG WAJIB DIMUAT NAIK:

1. Gambar berukuran passport (bukan gambar swafoto / selfie) – **pemohon sahaja**.

   Contoh gambar :



2. Salinan kad pengenalan – **pemohon dan semua pembantu**
3. Sijil pengendali makan – **pemohon dan semua pembantu**.
4. Kad suntikan tifoid yang masih sah [30.03.2027] – **pemohon dan semua pembantu** (Bahagian depan dan belakang serta memastikan nama pemegang kad tertera dengan jelas)
   Contoh kad suntikan :



(c) KADAR BAYARAN DAN LOKASI TAPAK BAZAR RAMADAN.

BIL.	LOKASI TAPAK BAZAR	JUMLAH (RM) (1 Lot)	JUMLAH (RM) (2 Lot)
1.	**JALAN SYARIAH** (https://maps.app.goo.gl/YAAprVFCL1WHRcjb7)	465.00	815.00
2.	**DATARAN BANDAR BAHARU** (https://maps.app.goo.gl/QF2x63CaGeMKRdkS7)	415.00	715.00
3.	**SERDANG** (https://maps.app.goo.gl/hLeiXxfqU3maBvRGA)	265.00	415.00
4.	**LUBUK BUNTAR** (https://maps.app.goo.gl/A5t9ht7zEtrBAMMy8)	265.00	415.00
5.	**SG. KECHIL ILIR** (https://maps.app.goo.gl/6i4knnYgB22ErsKWA)	165.00	215.00

(d) LAIN-LAIN SYARAT YANG PERLU DIPATUHI

1. Lokasi yang dibenarkan adalah tapak **Bazar Ramadan yang disediakan** oleh pihak Majlis Daerah Bandar Baharu

2. Penjaja boleh **maksimum DUA (2) lot** sahaja bagi setiap lokasi tapak Bazar Ramadan. Keluasan bagi setiap lot adalah berukuran 10x10.

3. Lot adalah ditentukan melalui undian. Peniaga hendaklah berniaga di lot yang telah diundi. Pertukaran lot **WAJIB** mendapatkan kelulusan bertulis daripada pihak MDBB.

4. **Pembayaran** perlu **DIJELASKAN** dalam tempoh yang telah ditetapkan; jika **GAGAL** permohonan akan **TERBATAL**.

5. Penjaja **TIDAK DIBENARKAN** menambah atau mendirikan khemah tambahan di tapak Bazar Ramadan. Hanya dibenarkan memasang payung untuk berlindung daripada hujan/panas dan perlu **menutup dan menyimpan semula** payung tersebut setelah tapak tempoh perniagaan **setiap hari**.

6. Penjaja **dibenarkan MASUK** dan memasang peralatan perniagaan bermula jam **3.00 petang sehari sebelum bermula 1 Ramadan** dan **MENGOSONGKAN** semula tapak Bazar **2 hari setelah bulan Ramadan berakhir**.

7. Peniaga boleh memulakan perniagaan pada 1 **Ramadan hingga 30 Ramadan 1448H/2027M** bermula jam **3.00 petang hingga 8.00 malam** sahaja.

8. Sekiranya penjaja berhasrat untuk memasang khemah bersaiz 20x20, **persetujuan semua penjaja terlibat adalah WAJIB**; untuk mengelakkan perselisihan faham dalam kalangan penjaja terlibat.

9. **Permit/lesen** yang diberikan oleh pihak MDBB hendaklah **dipamerkan** di tempat yang mudah dilihat **sepanjang tempoh perniagaan** dijalankan. Sekiranya gagal, pihak MDBB berhak mengambil tindakan undang-undang.

10. **Pembantu** bazar Ramadan hendaklah terdiri daripada **warganegara Malaysia** sahaja. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menyebabkan permit perniagaan dibatalkan oleh pihak MDBB.

11. Hanya **pembantu yang berdaftar** dengan pihak MDBB sahaja **dibenarkan untuk membantu mengendalikan aktiviti perniagaan**. Setiap lot maksimum 4 orang pembantu sahaja. Butiran pembantu yang didaftarkan akan dimasukkan dalam permit penjaja.

12. **Bayaran permit** yang telah dijelaskan **tidak boleh dituntut semula**.

13. **Berpakaian sempurna** bagi pengendali makanan, apron, menutup kepala (topi) dan berkasut.

14. Pemakaian **pelitup muka** adalah **digalakkan** bagi semua penjaja dan pembantu.

15. Bagi **jualan bergoreng, bakar dan bersampah (air kelapa dan tebu)** perlu **MENYEDIAKAN PELAPIK** bagi mengelakkan sisa-sisa terkena atau berselerak pada permukaan tapak.

16. Hanya **makanan, minuman dan buah-buahan sahaja** boleh dijual di tapak Bazar Ramadan.

17. **DILARANG** menjual **bunga api / mercun / bahan letupan & lain-lain** barangan yang menyalahi undang-undang.

18. **TIDAK BOLEH** meletakkan kerusi, meja untuk pelanggan.

19. Banner promosi perniagaan **TIDAK BOLEH MENGHALANG** atau menutup ruang penjaja yang berhampiran.

20. Pastikan **kebersihan tempat berniaga** dan sampah dimasukkan ke dalam plastik hitam yang disediakan sendiri oleh penjaja.

21. **TIDAK MEMBUANG** sisa perniagaan ke dalam **longkang/sistem perparitan dan tempat awam** dan perlu diuruskan dengan betul atau dimusnahkan.

22. Penjaja hendaklah mematuhi semua syarat tertakluk di **bawah Undang-Undang Kecil Penjaja (PBT Negeri Kedah) 1983** serta undang-undang lain yang berkaitan.

23. Kegagalan mematuhi syarat-syarat permit ini, akan menyebabkan permit anda boleh **DIBATALKAN** dan sebarang bayaran tidak boleh dituntut.